

Masalah Orang Melayu Singapura - Suatu Tinjauan Semula



Tuan Hj Wan Hussin Zohri

Pengerusi Jawatankuasa Dr Muhammad Arif
Endowment Fund

Tarikh: Rabu, 11 Februari 2015

Masa: 10.30pg - 12.15tgh

Tempat: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Pembicara akan menerangkan permulaan masalah orang melayu di Singapura. Ini akan disusuli dengan gambaran sejarah mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu dalam menghadapi masalah ini. Pertubuhan-pertubuhan yang penting seperti Kesatuan Melayu Singapura, Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, Majlis Pelajaran Melayu dan Mendaki akan ditonjolkan. Beliau juga akan menunjukkan bahawa pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai hubungan simbiotik dengan pemerintah lebih berjaya daripada pertubuhan-pertubuhan yang lain. Beliau akan mengakhiri ceramahnya dengan memberi satu analisis mengenai pencapaian masyarakat Melayu akibat usaha-usaha yang dilakukannya selama lima dekad yang lalu.

Biodata:

Wan Hussin Zohri mula sebagai seorang guru pada tahun 1959. Sebagai seorang guru beliau aktif di Kesatuan Guru-guru Melayu dan pernah menjadi Setiausaha Agung dan Pemangku Presiden kesatuan itu. Beliau telah juga menjadi seorang Pengetua sekolah dan Nazir Kanan sekolah-sekolah. Beliau berkhidmat sebagai Anggota Parlimen selama tiga penggal (1980 – 1991). Selepas bersara dari politik beliau aktif dalam beberapa pertubuhan Melayu. Beliau telah menjadi Presiden Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud selama 17 tahun (1995 – 2012), Presiden Persatuan Badminton Melayu Singapura selama 10 tahun (2000 – 2010) dan Pengerusi Tabung Amal Aidilfitri selama 5 tahun (2003 – 2008). Kini beliau ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Pengajian Islam Al-Zuhri. Beliau baru dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Dr Muhammad Arif Endowment Fund.



Dipersilakan hadir!



Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Persekutaran Berkomputer



Dr Suryani Atan

Pakar Kanan, Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan

Tarikh: Rabu, 25 Mac 2015

Masa: 10.30pg - 12.30tgh

Tempat: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Penerapan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) boleh mengubah cara pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Ini berlaku kerana melalui penerapan ICT, pembelajaran menerusi penilaian diri dan rakan sebaya, pembelajaran mengikut kesediaan pelajar, pembelajaran kendiri dan pembelajaran secara kolaboratif dapat dilakukan dengan lebih cekap dan berkesan. Ini bermakna, teknologi berupaya mewujudkan peluang untuk pelajar bekerjasama dan menerusinya, belajar daripada satu sama lain. Perkongsian ini akan membincangkan dapatan Kajian Pengajaran yang dilakukan terhadap sekolah-sekolah rendah dan menengah yang mengamalkan Program 10'M Aksara, iaitu sebuah program pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda yang menerapkan ICT. Program ini dimulakan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan atau *Educational Technology Division (ETD)*, Kementerian Pendidikan Singapura, sejak tahun 2010 bagi Bahasa Melayu. Perkara-perkara yang akan turut dibincangkan ialah dapatan berkenaan reka bentuk pengajaran, bukti pembelajaran pelajar, integrasi 10'M/ICT yang berkesan, pengurusan bilik darjah bagi persekitaran berkomputer dan penyampaian kandungan subjek.

Biodata

Dr Suryani Atan merupakan Pakar Kanan (*Senior Specialist*) di Bahagian Teknologi Pendidikan (ETD). Beliau mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu dan Sastera di peringkat sekolah rendah dan menengah. Beliau juga pernah bertugas di Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (CPDD). Dr. Suryani memperoleh kelulusan Ijazah Sarjana Muda (2002) dan Sarjana (2005) dalam Pengajian Melayu daripada Universiti Malaya serta Ijazah Doktor Falsafah (2013) daripada Institut Pendidikan Nasional, NTU.



Dipersilakan hadir!



Estetik Melayu: Yang Dipinjam dan Yang Diperam



Dr Zakaria Ali

Profesor, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Malaysia

Tarikh: Isnin, 15 Jun 2015

Masa: 3.00pg – 4.30 ptg

Tempat: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)

Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Kita menyuarakan deria keindahan melalui tutur kata, tingkah laku, penyusunan undang-undang, penghasilan seni, pengurusan masa santai. Kita juga boleh memahami rasa keindahan itu dengan mengkaji sejumlah kata-kata kunci, yang diimbuhkan oleh perkataan budi. Budi itu bahasa Sanskrit yang telah kita pinjam sejak awal, sehingga sudah sebatи dalam bahasa Melayu. Akal budi, balas budi, budi bahasa, hilang budi, budi bicara, berbudi. Oleh itu, apa yang kita rasa indah tertunjang pada watak atau perangai, yang kita asah dan asuh sehingga layak untuk diterima oleh masyarakat, disanjung dan diambil kira. Usaha ini menjadi penentu kepada tinggi rendahnya tahap maruah diri kita yang sentiasa diancam oleh rasa tertolak, terpinggir, terkecuali. Kita teroka bagaimana pengertian ini mempengaruhi cara kita mensusun budaya seni, khususnya seni visual. Saya ambil contoh rumah tradisional Melayu yang mewarisi nilai penggunaan ruang dan meluaskan pengertian nilai itu kepada konsep ruang dalam rumah flat. Saya juga akan mengambil contoh ukiran kayu moden sebagai lanjutan kepada pengertian budi.

Biodata:

Profesor Dr. Zakaria Ali mengajar Estetik, Sejarah Seni Dunia, dan Sejarah Seni Tampak Malaysia di Fakulti Seni, Komputeran, dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Buku-bukunya termasuklah novel *Empangan; Seni dan Seniman: Esei-esei Seni Halus; Islamic Art in Southeast Asia 830 A.D.-1570 A.D.* Dia telah menterjemahkan buku-buku Pablo Neruda, Raja Ahmad Aminullah, Kassim Ahmad, dan Jorge Luis Borges..



Dipersilakan hadir!



Effectiveness of L1 Vocabulary Knowledge in Teaching Basic Japanese Kanji: A Case Study on Malay Students



Kazuhito Uni

Ph.D. candidate

University of Malaya, Malaysia

Date: Wednesday, 9 September 2015

Time: 10.30am–12.00pm

Venue: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)
National Institute of Education, NTU

Abstract

In this seminar, the speaker will discuss his research that examined the effectiveness of Malay as learners' first language in teaching basic Chinese characters (Kanji) in Japanese by administering a vocabulary test to 143 Malaysian university students who are native Malay speakers. Most participants had no previous knowledge of Japanese. The experimental group was provided a vocabulary list with written instructions in Malay and Japanese vocabulary that included 30 frequently used Chinese characters. The 30 Japanese words were presented as 15 pairs in the list distributed to the experimental group, with each pair comprising a common or similar radical that indicated semantic similarities. All participants were given 30 minutes to learn the words and another 30 minutes to answer identical multiple-choice tests containing 30 questions. The study concludes that providing vocabulary instructions in Malay, the learners' L1, can benefit beginning Malay-speaking learners in their acquisition of basic Kanji.

Biodata

Kazuhito Uni is a Ph.D. candidate at the University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. In 2010, he obtained a master's degree from Kyoto University, Kyoto, Japan. His research interests include teaching Japanese, English and French as foreign languages.



All are welcome!

